


KL Strike Force terus 'bersihkan' ibu kota

KUALA Lumpur (KL) Strike Force yang membentuk pasukan petugas daripada pelbagai agensi terus menjalankan tindakan penguatkuasaan menerusi satu operasi bersepadu terhadap peniaga warga asing di sekitar Parlimen Bukit Bintang.

Operasi bersepadu di antara Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Kuala Lumpur berjaya menahan peniaga warga asing yang sedang menjalankan aktiviti penajaan di sekitar Bukit Bintang.

"Menerusi hasil daripada operasi yang dijalankan, sebanyak enam notis tawaran kompaun telah dikenakan kepada peniaga yang menjalankan perniagaan tanpa lesen dan menggajikan warga asing di bawah UUK Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.

"Selain itu, sebanyak lapan unit barangan perniagaan dikenakan tindakan sita serta-merta dan kesemua barangan yang dikenakan tindakan pindah halangan telah dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur



PETUGAS KL Strike Force memeriksa warga asing yang ditahan dalam operasi bersepadu di Bukit Bintang baru-baru ini.

untuk tindakan rekod dan dokumentasi," kata DBKL dalam hantaran di Facebook.

Menurut DBKL, pihaknya akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke

semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti.

Sebarang aduan, orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di pautan <https://adukl.dbkl.gov.my/> 